



DBKL DAN THINK CITY MENINGKATKAN USAHA PEMBAHARUAN PUSAT BANDAR KUALA LUMPUR SEBAGAI DESTINASI GLOBAL UNTUK INDUSTRI BUDAYA DA KREATIF

MoU itu memberi tumpuan kepada pengukuhan bandar sebagai destinasi kreatif, meningkatkan kebolehdiaman melalui perancangan, pemuliharaan, penambahbaikan reruang awam, pengaktifan ruang dan pembinaan kapasiti

KUALA LUMPUR, 8 Februari 2023 – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Think City, sebuah organisasi berimpak tinggi untuk mewujudkan tempat yang lebih mampan dan saksama, telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) ketiga hari ini bagi meneruskan kerjasama dalam usaha peremajaan bandar dengan membangunkan dan mempromosikan Pusat Bandar Kuala Lumpur sebagai sebuah daerah kreatif dan budaya. MoU itu mencerminkan bagaimana, melalui perkongsian yang komited antara dua pihak tersebut dapat meningkatkan usaha dalam mengumpulkan idea, sumber dan rakan kongsi ekosistem untuk melakukan lebih banyak lagi dalam menjadikan bandar Kuala Lumpur lebih berdaya huni, mampan dan sejahtera, bersama-sama.

MOU tersebut ditandatangani oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah dan Hamdan Abdul Majeed, Pengarah Urusan Think City dan disaksikan oleh YBrs Tuan Azman Abidin, Setiausaha Politik kepada YAB Perdana Menteri.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah berkata, "Usaha memulihkan Pusat Bandar Kuala Lumpur adalah penting dalam menjadikannya sebuah bandar raya yang relevan dalam perubahan dunia. Sebuah bandar bertaraf dunia lebih daripada sekadar pencakar langit dan daerah komersial yang besar. Sebuah bandar mesti saksama untuk semua peringkat masyarakat yang membolehkan ia boleh didiami; ini bermakna intervensi daya tahan yang berkesan untuk komuniti B40, meningkatkan usaha penghijauan bandar, kemudahan pengangkutan awam yang berkesan, strategi untuk menguruskan perubahan iklim dan kesannya kepada bandar, dan meningkatkan usaha peremajaan di pusat bandar dan teras warisan sebagai tapak utama untuk memacu ekonomi kreatif dan budaya," katanya.

Dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Jabatan Warisan Negara dan Yayasan Hasanah, DBKL dan Think City akan terus menerajui usaha merealisasikan Pusat Bandar Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar kreatif, yang telah diilhamkan daripada bandar lain di serata dunia yang telah menjalankan penjaan semula bandar berasaskan budaya sebagai usaha untuk memanfaatkan potensi ekonomi kreatif yang semakin berkembang.

Hamdan Abdul Majeed, Pengarah Urusan Think City pula berkata, "Mengambil daripada contoh-contoh hab kreatif dan budaya bandar lain dari seluruh dunia seperti Bilbao dan Barcelona di Sepanyol, Sharjah di UAE, New Delhi di India, Kowloon Barat di Hong Kong, dan Bras Basah di Singapura, daerah kreatif dan budaya mempunyai potensi besar dalam memberi sumbangan besar kepada ekonomi negara."

"Kuala Lumpur, terutamanya teras sejarahnya di pusat bandar raya, yang sudah kaya dengan aset budaya ketara dan tidak ketara, bersedia untuk menjadi daerah kreatif dan budaya pertama di Malaysia," tambah Hamdan. "Dengan kepakaran Think City dalam *placemaking* dan mengukuhkan ekonomi berasaskan budaya, dan dengan kerjasama strategik kami dengan DBKL, kami dapat mencapai visi KLCCD untuk mewujudkan tempat kreatif dan budaya yang inklusif, asli, dan berdaya maju yang menggabungkan fabrik bersejarah untuk meningkatkan daya huni bandar dan daya tarikan pengunjung. "

Kerjasama yang berterusan ini diharapkan akan menjadi platform bagi komuniti dan pihak berkepentingan untuk menyumbang dalam mempamerkan peranan bandar sebagai hab kreativiti dan mampu menyarankan penyelesaian inovatif bersama kepada cabaran bandar, meningkat ekuiti sosial, dan menjana peluang baru dengan memanfaatkan sejarah, budaya dan industri kreatif di bandar ini, dan meletakkannya sebagai teras pembangunan bandar yang mampan.

Setakat ini, kerjasama selama 8 tahun itu telah mendemonstrasikan usaha positif yang telah dilaksanakan oleh DBKL dan Think City menerusi pelaksanaan lebih daripada 165 projek dan 120 acara budaya, bengkel dan sesi jangkauan yang merangkumi program penambahbaikan lorong, penggunaan semula adaptif, transformasi hijau, pengaktifan ruang, dan lain-lain lagi.

Pendekatan ini merupakan cadangan daripada Pelan Induk Strategik KLCCD yang merupakan sebuah pelan pembangunan dan pemulihan industri kebudayaan dan kreatif di Kuala Lumpur. Matlamat pelan ini adalah untuk mewujudkan sebuah daerah yang meriah dan mampan di Kuala Lumpur yang akan menarik pengunjung tempatan dan antarabangsa, dan untuk memupuk pertumbuhan industri kreatif dan budaya di rantau ini.

Pelan induk ini merangkumi beberapa elemen utama seperti pembangunan ruang dan kemudahan kebudayaan dan kreatif, promosi aktiviti dan acara kebudayaan dan kreatif, dan sokongan artis tempatan dan profesional kreatif melalui penciptaan pekerjaan dan penjana pendapatan. Pelan ini juga bertujuan untuk mewujudkan hubungan yang lebih baik antara daerah kebudayaan dan kreatif, pusat bandar dan kawasan sekitarnya, dan ia dibangunkan untuk meningkatkan ekonomi dan pelancongan kebudayaan di Kuala Lumpur.

Bersama-sama dengan program-program lain yang telah dirangka seperti penggunaan bas elektrik di Kuala Lumpur, Wangsa Maju sebagai perintis bandar rendah karbon, tambahan pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di Kuala Lumpur dan Putrajaya serta pemasangan WiFi di perumahan rakyat, inisiatif di bawah pemeteraian MoU dapat melengkapkan usaha Kerajaan untuk menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai bandar pintar menjelang 2030.

Majlis turut menyaksikan pengiktirafan penerima manfaat kitaran kedua Program Geran *Downtown Kuala Lumpur*. Dua belas penerima manfaat daripada program geran secara pelaburan bersama, telah diumumkan pada majlis itu. Projek-projek yang akan disokong terdiri daripada lawatan secara berjalan kaki dan makanan oleh masyarakat migran dan pelarian, peningkatan ruang prestasi, transformasi penghijauan, bengkel filem dan banyak lagi.

Untuk maklumat lanjut tentang Pelan Induk Strategik Daerah Kreatif dan Kebudayaan Kuala Lumpur, boleh layari <https://thinkcityinstitute.org/KLCCD-Strategic-Masterplan-EN/>.

-TAMAT-

About Think City

Think City adalah sebuah organisasi berimpak tinggi yang telah ditubuhkan pada tahun 2009. Ianya bertujuan menghasilkan pelestarian bandar yang lebih saksama demi faedah semua. Kemahiran, ilmu dan strategi Think City tertumpu kepada solusi perbandaran, alam sekitar, komuniti sosial dan ekonomi budaya. Think City ialah anak syarikat milik penuh Khazanah Nasional Berhad (Dana Kekayaan Berdaulat Kerajaan Malaysia). Untuk maklumat lanjut, sila layari www.thinkcity.com.my.

Untuk pertanyaan media, boleh hubungi:

Dustin Chan
dustin.chan@sprg.com.my | +60189499363

Michael Lee
michael.lee@sprg.com.my | +60162804602